



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING**

Ruj. Kami : JANM/BKP/600-14/1/5 Jld.5(4)

Tarikh: 5 April 2022

PERKARA	PERMOHONAN PENGECCUALIAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BILANGAN 5 TAHUN 2021 – TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2022 PEMBAYARAN EMOLUMEN PEKERJA BERGAJI HARI BULAN APRIL 2022	
DARIPADA	TP BKP	Salinan: Fail
KEPADA	PBPOPP	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada emel rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2022 (110) bertarikh 24 Mac 2022 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan, YBhg. Datuk Dr. ANM telah meluluskan Permohonan Pengecualian Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil 5 Tahun 2021 – Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2022 bagi Pembayaran Emolumen Pekerja Bergaji Hari Bulan April 2022 diproses dan dibayar bermula **26 April 2022 (Selasa)**.

2. Sehubungan dengan itu, pembayaran emolumen pekerja bergaji hari bulan April 2022 (termasuk upah MySTEP) yang dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer - *Modul Daily rated* (HCM iGFMAS) dibenarkan untuk diproses dan dibayar bermula 26 April 2022 (Selasa) dengan mengambilkira ketetapan Arahan Perbendaharaan 105 yang membenarkan pembayaran emolumen kepada pekerja bergaji hari dibayar lebih awal iaitu tidak lebih daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh hari perayaan yang berkenaan (Tarikh sambutan Hari Raya Aidilfitri ialah pada 3 Mei 2022).

3. Pengecualian ini juga dipanjangkan untuk pembayaran emolumen pekerja bergaji hari yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer - *Modul Daily Rated* HCM iGFMAS iaitu yang dibayar melalui Arahan Pembayaran dan tertakluk kepada perenggan 3.1.5 SPANM Bil 5 Tahun 2021.

4. Kerjasama tuan dipohon untuk memastikan pengecualian ini hanya terpakai untuk pembayaran emolumen pekerja bergaji hari bagi bulan April 2022 sahaja dan memaklumkan perkara ini kepada kepada semua Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(ANISHAH BINTI/ABD WAHID C.A.(M))